

Jaminan pastikan IPT dapat dana penyelidikan

B.M 29/06/08 M/s 7

Oleh Mona Ahmad

HASIL penyelidikan di negara ini mempunyai potensi besar untuk dikomersialkan hingga ke peringkat antarabangsa. Namun begitu, setakat ini, Malaysia hanya hanya mengkomersialkan 3.5 peratus daripada hasil penyelidikan berbanding 10 peratus di peringkat antarabangsa.

Soalnya bagaimana kita mahu membawa produk penyelidikan dan pembangunan (R&D) ke peringkat antarabangsa serta menjalinkan kerjasama dalam menyatukan antara usahawan dan hasil penyelidikan.

Ini semua adalah cabaran yang berada di hadapan kita selepas pasca R&D dan wajar

diberi perhatian jika kita ingin melihat hasil penyelidikan tempatan bergerak ke peringkat seterusnya.

Maka atas sebab itulah, saya menekankan peri pentingnya mewujudkan jalinan dan jaringan dengan pihak industri dalam usaha kita membangunkan sektor R&D kita di universiti.

Sehubungan itu, usaha menambah bilangan penyelidik perlu ditekankan dalam usaha mengukuhkan aktiviti R&D.

Sebagai Menteri Pengajian Tinggi yang baru, saya memberi jaminan untuk memastikan IPT mendapat dana penyelidikan dengan melaksanakan langkah seperti yang dinyatakan dalam Pelan Strategik Pengajian Tinggi.

Ini termasuk mewujudkan mekanisme pembiayaan *dual track* iaitu skim pembiayaan sedia ada diteruskan berasaskan kepada pembidaan kompetitif, manakala dana baru diagihkan kepada universiti penyelidikan atau universiti komprehensif/berfokus menjalankan penyelidikan secara usahasama untuk membina keupayaan R&D masing-masing.

Kita juga menggalakkan pihak industri membiayai penyelidikan di IPT dalam bidang keutamaan. Dengan ada

pembiayaan seumpama itu, IPT dapat mengoptimalkan penggunaan prasarana fizikal dan intelektual masing-masing untuk faedah bersama.

Menerusi pelan itu, kerajaan juga menggalakkan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) memainkan peranan sebagai peneraju dalam penyokong dan membiayai kegiatan R&D di IPT yang turut merangkumi penubuhan dan penajaan kursi penyelidikan dalam bidang berkaitan.

Peruntukan daripada pelbagai sumber turut disediakan kepada universiti penyelidikan bagi memantapkan bidang penyelidikan masing-masing. Peruntukan itu bertujuan meningkatkan prasarana, kemudahan dan menaiktaraf jurnal IPT supaya setanding dengan piawaian antarabangsa.

Sudah tentulah saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua penyelidik yang hasil penyelidikan mereka melayakkan mereka dinobatkan sebagai penerima Anugerah Penyelidikan Cemerlang bagi tahun 2007.

Harapan saya semoga kejayaan cemerlang akan sentiasa berterusan malah ditingkatkan lagi dan menjadi insentif terbaik untuk menjulang prestasi penyelidikan UPM ke tahap global dan 'mencuri' perhatian sektor industri - sekaligus mengesahkan status UPM sebagai Universiti Penyelidikan negara yang disegani dan dihormati.

Insentif terbaik untuk menjulang prestasi penyelidikan UPM ke tahap global dan mencuri perhatian sektor industri sekaligus mengesahkan status UPM sebagai universiti penyelidikan negara yang disegani dan dihormati."

